



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

Rabu, 14 Disember 2022

1	Peniaga dakwa kedai jual telur ayam palsu
2	Usah buat untung import ayam, telur
3	Tiada kes keracunan makanan akibat telur lama
4	Redah banjir 2km beri lembu makan
5	Syor hapus subsidi, beri bantuan tunai B40

DISEDIAKAN OLEH :
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT,
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA



KUNING telur yang dipecahkan Osman berbentuk bulat dan pejal di Kluang semalam.

Peniaga dakwa kedai jual telur ayam palsu

KLUANG — Seorang peniaga roti canai dan martabak mendakwa telur ayam yang dibelinya di sebuah kedai runcit di sini dipercayai palsu kerana mempunyai ciri yang berbeza dengan telur ayam sebenar.

Peniaga yang hanya mahu dikenali sebagai Osman, 57, berkata, perbezaan itu hanya diketahuinya ketika menyiapkan roti canai yang ditempah pelanggan.

Katanya, kebiasaanannya kuning telur yang dipecahkan adalah cair, namun kali ini berbeza apabila berbentuk bulat dan pejal.

"Sangsi dengan keadaan itu, saya cuba mengangkat kuning telur itu dengan tangan, namun tetap tidak pecah dan pejal seperti jeli."

"Malah kulit pada cengkerang telur itu juga boleh dikoyakkan walaupun masih mentah."

"Jika telur ayam biasa kulitnya hanya boleh dikoyakkan selepas direbus," katanya ketika ditemui di rumahnya di sini semalam.

Menurutnya, satu lagi per-

bezaan ketara adalah putih telurnya agak pekat berbanding telur ayam biasa yang lebih cair, selain berwarna agak kekuningan.

Sementara itu, seorang suri rumah, Rosnah Ahmad, 45, berkata, dia tidak perasan perbezaan telur ayam yang dibelinya dengan cerita yang didakwa oleh Osman itu.

Ujarnya, kebiasaananya selepas telur ayam dipecahkan untuk digoreng, dia terus mengacau dengan sudu dan tidak nampak likat seperti jeli.

"Bagaimanapun, selepas mendengar cerita ini, saya akan cuba melihat semula sama ada ia betul seperti diceritakan."

"Keadaan ini menimbulkan kegusaran kepada orang ramai kerana sekiranya telur ayam itu palsu, pasti sudah ramai yang menjadikannya sebagai lauk atau renyah sampingan untuk dimakan bersama nasi," katanya.

Justeru, Rosnah meminta pihak berkuasa agar dapat melakukan pemeriksaan bagi mengesahkan telur yang dijual di kawasan itu adalah tulen.

Usah buat untung import ayam, telur

PETALING JAYA: Kekurangan bekalan dan kenaikan harga melibatkan ayam dan telur tidak harus ditangani dengan pengimportan bekalan dari luar negara kerana ia seolah-olah menunjukkan kerajaan hanya memikirkan soal keuntungan semata-mata.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, bekas Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar, Datuk Dr. Kamarudin Md. Isa menjelaskan, tindakan mengimport bekalan hanya akan menguntungkan pengimport dan pihak kerajaan hasil daripada jualan di pasaran dan permit import.

Sebaliknya kata beliau, pengeluar tempatan pula terus dipersalahkan manakala pengguna tidak dapat menikmati harga yang berpatutan.

“Kita sudah ada berapa banyak menteri tetapi tidak ada seorang pun yang benar-benar berjaya tangani isu ini. Isu ini pula sering dipolitikkan. Kita perlukan menteri yang betul-betul faham industri ini, bagaimana untuk tangani masalah dihadapi bukan-

nya jadi oportunis. Hanya fikir dari sudut bisnes semata-mata dengan bawa masuk import.

“Tindakan import ini adalah mengarut, malah ada yang salahkan pengeluar tempatan, tuduh mereka kartel. Ini juga tidak membantu sedangkan kita ada undang-undang. Kita perlu berbalik kepada polisi dan dasar, cari penyelesaian tetapi apa yang paling penting, kita benar-benar perlukan menteri yang bijak,” katanya ketika dihubungi.

Pada masa sama katanya, jabatan yang diterajuinya sebelum ini sentiasa memastikan pengembangan pengeluaran ternakan berada di tahap efisien, namun usaha itu akan terjejas dengan tindakan mengimport ayam dan telur secara besar-besaran dari luar negara.

“Apabila bekalan ayam dan telur ambil dari luar negara, kalau harga jadi mahal, ia tidak terjual di pasaran tapi kementerian terus melindungi pihak pengimport bukan pihak pengeluar tempatan,” ujarnya.

Tiada kes keracunan makanan akibat telur lama

Oleh MAISARAH SHEIKH RAHIM
masarah.rahim@mediamulia.com.my

PUTRAJAYA: Kementerian Kesihatan mengesahkan tidak menerima sebarang laporan kes kejadian keracunan makanan yang berpuncanya daripada makan telur stok lama.

Mengesahkan perkara itu kepada *Utusan Malaysia*, Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, malah, tiada peningkatan kejadian keracunan makanan yang direkodkan pihaknya pada September hingga November lalu seperti yang didakwa.

Bagaimanapun, beliau berkata, terdapat dua kejadian keracunan makanan yang berpuncanya daripada telur, namun, berdasarkan siasatan, ia bukan stok telur yang lama.

Difahamkan, kejadian itu adalah akibat jangkitan silang +daripada pengendalian telur tidak teratur atau tidak bersih dalam proses masakan sebelum dimakan.

"Tiada peningkatan kejadian keracunan makanan pada September hingga November seperti yang didakwa."

"Walaupun terdapat dua kejadian keracunan makanan yang



SEORANG pelanggan meneliti kualiti telur sebelum dibeli dari sebuah kedai runcit di Pasar Chow Kit Kuala Lumpur baru-baru ini. - UTUSAN/FAUZI BAHRUDIN

berpuncanya daripada telur, berdasarkan siasatan, ia bukan stok telur yang lama," katanya di sini semalam.

Bekalan telur ayam ketika ini yang didakwa mula banyak di pasaran dikatakan adalah stok lama yang 'diperam' peniaga

berikutnya tidak mahu bekalan berkenaan terputus secara tiba-tiba.

Keadaan itu bagaimanapun memberi kesan kepada pengguna kerana telur yang dibeli hanya mampu bertahan antara dua hingga tiga hari.

Lebih memburukkan, timbul dakwaan sehingga berlaku kes kejadian keracunan makanan akibat makan stok telur lama.

Tinjauan di media sosial mendapati warganet mengadu hanya beberapa biji telur kelihan-bahan baru dalam seapan telur.

Redah banjir 2 km beri lembu makan

RANTAU PANJANG: Seorang warga emas wanita sanggup meredah banjir sejauh dua kilometer (km) semata-mata mahu memberi makan kepada lembu peliharaannya di Kampung Tersang di sini semalam.

Rohmah Che Abdullah, 67, berulang-alik dari rumahnya menaiki perahu dan kemudian bermotosikal sebanyak tiga kali sehari bagi mengelakkan haiwan peliharaan itu kelaparan selepas kampungnya ditenggelami banjir sejak tiga hari lalu.

Rohmah berkata, perkara tersebut menjadi rutin harianya setiap kali musim tengkujuh selepas kawasan rumah ditenggelami banjir sedalam tiga meter.

"Sejak kelmarin saya telah telah memindahkan empat ekor lembu ke tempat selamat. Saya terpaksa memberi lembu-lembu itu makan dedak, memandangkan rumput telah



ROHMAH Che Abdullah terpaksa meredah banjir untuk memberi makan kepada lembu peliharaannya di Kampung Tersang, Rantau Panjang, Kelantan. - UTUSAN/KAMARUL BISMI KAMARUZAMAN

ditenggelami banjir," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia*.

Rohmah memberitahu, kebiasaan dia akan bergilir-gilir

dengan suaminya, Musthapa Hassan, 74, untuk memberi haiwan itu makan.

Katanya, sebelum ini, dia sudah menjual sebanyak empat

ekor lembunya kerana sudah penat untuk menguruskan ternakan itu apabila tiga kali banjir melanda kampung sepanjang tahun ini.

Syor hapus subsidi, beri bantuan tunai B40

Kuala Lumpur: Kerajaan perlu menghapuskan pemberian subsidi khususnya membabitkan minyak masak serta telur dan menggantikannya dengan subsidi bersasar menerusi pemberian tunai bulanan untuk golongan B40.

Pengarah Urusan Mydin Mohamed Holdings Berhad (Mydin), Datuk Wira Dr Ameer Ali Mydin, berkata langkah ini dapat menjamin situasi menang-menang untuk semua pihak dan mengurangkan bebanan kerajaan untuk menanggung subsidi.

Beliau berkata, ketika ini, semua keluarga membeli minyak bersubsidi dan kerajaan menanggung kos sehingga RM4 bilion setahun untuk pemberian subsidi kepada rakyat.

"Minyak masak tanpa subsidi bernilai RM30.90 (lima kg) dan minyak masak peket bersubsidi berharga RM2.50 (sekilogram), jadi bezanya RM18.40 sebulan.

"Daripada kerajaan memberi subsidi RM4 bilion setahun dan ada ketirisan, lebih baik nilai RM18.40 itu dimasukkan ke dalam subsidi bersasar kepada keluarga B40.

"Jadi daripada kerajaan salurkan RM4 bilion, lebih baik kerajaan beri peruntukan RM1.5 bilion untuk golongan B40 ini supaya mereka juga dapat beli minyak masak," katanya kepada BH.

Kelmarin, Ameer bertemu dengan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup, Datuk Seri Salahuddin Ayub, bagi mencari titik persamaan dalam menyelesaikan masalah harga barang dan kos sara hidup.


Impor telur tak praktikal

Ameer yang juga Presiden Persatuan Peruncit Bumiputera (BRO), turut menyatakan cadangan mengimport telur ayam dari negara luar adalah tidak praktikal memandangkan harganya jauh lebih tinggi dari negara ini.

Mengulas lanjut, beliau berkata, kerajaan sepertutnya menghentikan eksport telur ke luar negara dan mengapungkan harga telur bagi memastikan bekalan telur dalam negara mencukupi.

Sementara itu, beliau juga meminta kerajaan menangguhkan pindaan Akta Pekerja 1955, yang mana ia akan meningkatkan kos perbelanjaan kepada peniaga dan berkemungkinan menyaksikan kenaikan harga barang.

Beliau berkata, berdasarkan pindaan itu, pekerja dengan gaji di bawah RM4,000 boleh menuntut kerja lebih masa, manakala cuti ibu bersalin dinaikkan daripada 90 hari kepada 98 hari dan cuti paterniti daripada tiga hari kepada lapan hari.



Dr Ameer Ali Mydin